

BULETIN

MAJLIS DAERAH SUBIS



Majlis Daerah Subis Rasmi



Tel:085-719 018/Fax:085-719 527



www.mdsulis.sarawak.gov.my



Majlis Daerah Subis, Peti Surat 83,
98150 Bekenu, Miri, Sarawak

"Walking Extra Miles"

Subis Uniquely Beautiful Innovative Simply The Best

Jan - Jun
2025
EDISI 1

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT

CIK GRACE JOY DAPIT

Setiausaha, N10

PENYELARAS

ENCIK MATASSAN BIN PIUT

Penolong Pegawai Tadbir, N6

EDITOR

PUAN SERINA SALLEH

Pembantu Pustakawan, S3

ENCIK MIFTAHUL RAZIQIN BIN RASHID

Atendan Perpustakaan

JURUFOTO

ENCIK MOHD AMRAN BIN BAHA

Atendan Perpustakaan

PENERBIT

Unit Perpustakaan

Bahagian Pembangunan Komuniti

Majlis Daerah Subis

PEGAWAI PELANTIKAN



Nama: Stella Jelica Joseph

Jawatan: Setiausaha, N10

Tarikh Melapor: 3 Mac 2025

PEGAWAI BERPINDAH



Nama: Ebau anak Boniface

Jawatan: Penolong Pegawai
Kesihatan Persekitaran, U6



Nama: Francis Lien anak Agas

Jawatan: Pembantu Penguatkuasa,
KP2



Nama: Grace Joy Dapit

Jawatan: Setiausaha, N10



Nama: Mohammad Amran bin
Baha

Jawatan: Atendan Perpustakaan



Nama: Khusairi bin Roslan

Jawatan: Atendan Perpustakaan

ISI KANDUNGAN

BULAN	MUKA SURAT
JANUARI	1-5
FEBRUARI	6-9
MAC	10-12
APRIL	13-18
MEI	19-22
JUN	23-29



MESYUARAT PEMBUKAAN TIRAI 2025 UNIT PERPUSTAKAAN

Bekenu- Sebelum membuka tirai 2025, Unit Perpustakaan Majlis Daerah Subis telah mengadakan mesyuarat bulanan pada awal tahun 2025 untuk membincangkan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan sepanjang tahun 2025



MAJLIS PERASMIAN MARKET BATU NIAH

Batu Niah - Majlis Daerah Subis telah mengadakan Majlis Perasmian Market Batu Niah dan disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Hajah Rosey binti Haji Yunus selaku Timbalan Menteri Pembangunan Wanita & Kanak-Kanak Sarawak merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.71 Bekenu.



OUT EKSA
ZON SAKURA

PERTANDINGAN DEKORASI ANTARA UNIT MAJLIS DAERAH SUBIS

Bekenu- Unit Perpustakaan dan Digital Community Centre Batu Niah telah mengadakan pertandingan dekorasi Pejabat dalam setiap unit sempena Tahun Baru Cina 2025.



MAJLIS PERPISAHAN ENCIK IBAU AK BONIFACE & EN FRANCIS LIEN AK AGAS

Bekenu- Majlis Perpisahan kakitangan telah diadakan untuk mengenang budi dan jasa bakti kakitangan tersebut iaitu Encik Ibau dan Encik Francis yang telah lama berkhidmat dan berpindah ke PBT lain.



SESI LAWATAN TAPAK PELANCONGAN PANTAI TUSAN BEKENU

Bekenu- Beberapa pegawai Ahli Majlis, kakitangan Majlis Daerah Subis dan wakil dari Pejabat Daerah Subis telah mengadakan lawatan ke tapak pelancongan ke Pantai Tusan, Bekenu sempena menjadikan kawasan tersebut secara rasminya dijadikan sebagai tapak pelancongan yang baharu terutama di kawasan Pantai.



GOTONG-ROYONG MAJLIS BERSAMA KOMUNITI PASCA BENCANA BANJIR DAERAH SUBIS TAHUN 2025

Bekenu- Majlis Daerah Subis dengan kerjasama Ahli Majlis dan beberapa jabatan kerajaan telah menganjurkan aktiviti gotong-royong sempena pasca banjir yang telah melanda kawasan Pekan Bekenu Khususnya pada bulan Februari yang lalu.



PROGRAM BEACH CLEANING CAMPAIGN BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG KUALA SIBUTI 2025

Kuala Sibuti- Majlis Daerah Subis dengan kerjasama *Sarawak Forestry Corporation* (SFC) cawangan Miri dan komuniti Kampung Kuala Sibuti telah mengadakan program pembersihan di sekitar Pantai dan Kampung Kuala Sibuti.



SESI AUDIT *BALANCE SCORECARD* (BSC) MAJLIS DAERAH SUBIS

Bekenu- Majlis Daerah Subis telah menerima kunjungan dari pegawai Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KKPKT) negeri untuk sesi audit *Balance Scorecard* (BSC) yang dijalankan secara tahunan.



PERPISAHAN SETIAUSAHA MAJLIS DAERAH SUBIS CIK GRACE JOY DAPIT

Bekenu- Majlis Daerah Subis telah mengadakan majlis perpisahan Setiausaha Majlis Daerah Subis iaitu Cik Grace Joy Dapit yang akan berpindah ke Majlis Daerah Marudi Pada Februari yang lalu.



MESYUARAT PENUH BIL 1/2025 MAJLIS DAERAH SUBIS

Miri- Majlis Daerah Subis telah mengadakan mesyuarat penuh bersama ahli majlis yang bertujuan untuk merangka projek-projek strategik yang akan memacu pembangunan komuniti dan infrastruktur bagi tempoh lima tahun akan datang. Majlis Daerah Subis komited untuk meneruskan usaha merealisasikan visi pembangunan yang mapan dan inklusif untuk kebaikan semua.



PERASMIAN BAZAR RAMADAN 2025 MAJLIS DAERAH SUBIS

Bekenu- Majlis Daerah Subis telah menjemput Yang Berhormat Datuk Hajah Rosey Binti Haji Yunus untuk merasmikan tapak Bazar Ramadan Bekenu yang sering dianjurkan pada setiap tahun.



BULAN RAMADAN 1446H

9:00 Pagi Masjid Al-Muttaqin 2025

Hadiah Menanti Anda

**Sila Sedikan Gadget (Smartphone) dan capaian internet masing-masing. Sebarang Pertanyaan, Sila Hubungi: A212*

22 Mac 2025

PERTANDINGAN KUIZ KAHOOT SEMPERA BULAN RAMADAN 1446H

9:00 Pagi Masjid Al-Muttaqin

PERTANDINGAN KUIZ KAHOOT SEMPERA BULAN RAMADAN 1446H

Bekenu- Majlis Daerah Subis dengan kerjasama Masjid Al-Muttaqin Bekenu telah mengadakan aktiviti bersama komuniti/ahli Masjid Al-Muttaqqin Bekenu iaitu kuiz kahoot tahunan sempena bulan Ramadan .



MAJLIS PERPISAHAN STAFF ATENDAN PERPUSTAKAAN MAJLIS DAERAH SUBIS

Bekenu- Majlis Daerah Subis telah mengadakan majlis perpisahan staff atendan perpustakaan, Encik Mohammad Amran bin Baha yang telah berkhidmat di Perpustakaan Awam Bekenu sebelum berpindah ke tempat baharu.



SESI PENJURIAN PERTANDINGAN KAD RAYA DIGITAL 2025

Perpustakaan Awam Batu Niah- Majlis Daerah Subis telah menjemput dan melantik 3 orang hakim jempunan untuk menilai hasil karya para peserta dalam pertandingan Kad Raya Digital sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung pada bulan Mac yang lalu.



PROGRAM *EARTH DAY* ANJURAN *DIGITAL* COMMUNITY CENTRE (DCC) BATU NIAH

Perpustakaan Awam Batu Niah- Digital Community Centre (DCC) Batu Niah dan kerjasama kakitangan Majlis Daerah Subis telah mengadakan aktiviti penanaman anak pokok dan bunga di sekitar halaman Perpustakaan Awam Batu Niah, sempena dengan sambutan *Earth Day*.



MAJLIS ANGKAT SUMPAAH PENERIMAAN JAWATAN AHLI-AHLI MAJLIS BAGI MAJLIS DAERAH SUBIS

Bekenu- Telah berlangsung Majlis Angkat Sumpah Penerimaan Jawatan Ahli-Ahli Majlis bagi Majlis Daerah Subis yang disaksikan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak. Tempoh perkhidmatan bagi Ahli Majlis yang dilantik adalah berkuatkuasa mulai 01 April 2025 sehingga 31 Mac 2028.



PERTANDINGAN INOVASI PERSATUAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA (MALA) 3.0 PIALA YB MENTERI KPKT BAGI TAHUN 2024-2025

Johor - Majlis Daerah Subis selaku wakil tunggal Pihak Berkuasa Tempatan dari Negeri-Negeri Borneo telah menghantar wakil untuk menyertai pertandingan Inovasi Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) 3.0 Piala YB Menteri KPKT bagi tahun 2024-2025 yang berlangsung di Dewan Kenanga, Majlis Perbandaran Johor Bahru, Johor pada bulan April yang lalu.



LIBRARY OUTREACH PROGRAMME JOM BACA 10 MINIT “SANTAI RAYA, SANTAI MEMBACA”

Pantai Tanjung Bungai, Bekenu- Majlis Daerah Subis dengan kerjasama SK Kampung Bungai telah mengadakan *Library Outreach Programme* Jom Baca 10 Minit “Santai Raya, Santai Membaca” di Pantai Bungai, Bekenu. Program itu juga telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Hajah Rosey binti Haji Yunus.



PROGRAM BAKTI MADANI SUBIS 2025

Sepupok, Niah- Pejabat Daerah Subis dengan kerjasama Majlis Daerah Subis dan beberapa jabatan kerajaan telah menganjurkan Program Bakti Madani Subis 2025 di Sepupok, Niah. Program ini juga dianjurkan bertujuan bagi pihak kerajaan Persekutuan untuk mendekatkan dan mendedahkan dasar yang telah dibuat dengan komuniti Sepupok, Niah terutamanya.



PROGRAM MELANGGAR MEJA DAERAH SUBIS 2025

Perpustakaan Awam Batu Niah- Majlis Daerah Subis telah menjemput dan melantik 3 orang hakim jemputan untuk menilai hasil karya para peserta dalam pertandingan Kad Raya Digital sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung pada bulan Mac yang lalu.



Program Santuni Warga Emas

"Savangi Warga Emas"

PROGRAM SANTUNI WARGA EMAS "SAYANGI WARGA EMAS"

PAWE, Bekenu- Pada Mei yang lalu, Bahagian Pembangunan Komuniti dan Unit Perpustakaan Majlis Daerah Subis telah menganjurkan aktiviti bersama warga emas di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) terletak di Kampung Jengalas, Bekenu. Program tersebut terdiri daripada pelbagai pertandingan dan aktiviti yang disertai oleh warga emas supaya dapat mendekatkan dengan komuniti warga emas di sekitar Bekenu.



NITI DAUN GAWAI DAYAK DAERAH SUBIS 2025

Batu Niah- Sempena dengan bulan Gawai, Majlis Daerah Subis dengan kerjasama Pejabat Daerah Subis telah mengadakan Niti Daun Gawai Dayak. Pada tahun 2025, Batu Niah telah terpilih sebagai tuan rumah untuk Program tersebut bagi Daerah Subis. Perarakan ini juga disertai oleh sebahagian Rumah Panjang di sekitar Batu Niah Khususnya.



MESYUARAT BULANAN PERPUSTAKAAN MAJLIS DAERAH SUBIS

Bekenu- Pada setiap bulan dan minggu pertama, Perpustakaan Awam Majlis Daerah Subis akan mengadakan mesyuarat bulanan yang membincangkan tentang agenda atau aktiviti-aktiviti perpustakaan yang akan dilakukan dan, isu-isu yang berbangkit dalam unit perpustakaan.



PROGRAM ALAM SEKITAR DAERAH SUBIS 2026

Rural Transformation Centre (RTC) Sibuti, Bekenu- Majlis Daerah Subis dengan kerjasama organisasi bukan kerajaan (NGO) iaitu *Taiwan Buddhist Tzu Chi Foundation Malaysia* telah mengadakan Minggu Alam Sekitar yang diadakan pada setiap bulan minggu pertama. Tujuan program ini diadakan adalah untuk menggalakkan komuniti di sekitar Subis untuk menghantar barang-barang peribadi yang ingin dikitar semula disamping dapat mengekalkan kelestarian persekitaran kawasan Subis.



PROSES STOCKTAKE BUKU-BUKU PERPUSTAKAAN AWAM MAJLIS DAERAH SUBIS

Bekenu- Setiap Dua tahun sekali, Perpustakaan Awam Majlis Daerah Subis akan menjalankan proses *Stocktake* buku-buku untuk menyeragamkan proses rekod perolehan dan penghapusan buku yang ada di setiap cawangan perpustakaan awam. Oleh itu, proses ini akan memudahkan gerak kerja harian kakitangan perpustakaan dalam merekod keluar masuk buku-buku atau bahan-bahan pinjaman perpustakaan kepada para pengguna.



KELAS ASAS PUDDING JELLY 3.0

Batu Niah- Perpustakaan Awam Batu Niah dengan kerjasama DCC Batu Niah telah mengadakan aktiviti bulanan iaitu Kelas Asas Pudding Jelly 3.0 bertempat di bilik DCC batu Niah, tingkat atas Perpustakaan Awam Batu Niah. Objektif aktiviti ini adalah untuk membuka kelas mengajar cara-cara menghasilkan Pudding Jelly dan Puan Hazline dilantik sebagai tenaga pengajar sepanjang sesi tersebut.



LAWATAN TAPAK KE PANTAI TUSAN MIRI OLEH JAWATANKUASA AKAUN AWAM NEGERI SARAWAK 2025

Pantai Tusan- Pegawai dari Jawatankuasa Akaun Awam Negeri telah mengadakan sesi lawatan tapak ke Pantai Tusan dengan diiringi oleh Setiausaha, Ahli Majlis dan beberapa kakitangan Majlis Daerah Subis untuk meninjau kemajuan projek pelancongan yang ada di Pantai Tusan.



ANUGERAH PERKHIDMATAN BINTANG TERPUJI 2025

Kuching- Tiga orang kakitangan Majlis Daerah Subis iaitu En.Jaidel bin Ahmad, En. Aidel bin Jemat dan En.Emran Pa'ee telah dianugerahkan perkhidmatan bintang terpuji sempena perkhidmatan caemerlang dan paling lama dalam Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran Negeri Sarawak Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sarawak.



SESI MESYUARAT BERSAMA KOMUNITI RH. SEBUANG SEMPENA BENKEL KEBAKARAN BERSAMA KOMUNITI

Ulu Niah- Sempena dengan Program Bengkel Kebakaran Bersama Komuniti, Wakil Majlis Daerah Subis dan Ahli Majlis telah mengadakan mesyuarat terlebih dahulu dengan komuniti Rumah Panjang Sebuang untuk membincangkan perjalanan program yang akan diadakan pada bulan Ogos 2025.



SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS